

18 SEP 1996
Ramli-Banjir

ANGGOTA OPERASI MENCARI MANGSA TRAGEDI POS DIPANG DIKURANGKAN

TAIPING, 18 Sept (Bernama) -- Operasi mencari mangsa-mangsa yang dilaporkan masih hilang dalam tragedi banjir lumpur di penempatan Orang Asli Pos Dipang, dekat Kampar masih diteruskan dengan bilangan anggota penyelamat terus dikurangkan.

Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib hari ini berkata anggota bilik operasi telah dikurangkan sehingga dua atau tiga orang.

Jumlah anggota penyelamat pada masa ini ialah seramai 30 orang, menurut bilik gerakan itu pula.

Bilik operasi itu akan dikekalkan buat masa ini supaya keluarga mangsa yang dijumpai nanti dapat dihubungi, katanya kepada pemberita selepas melancarkan skim Amanah Saham Wawasan (ASW) 2020 peringkat negeri, di sini.

Ramli berkata setakat ini, pasukan mencari masih tidak dapat menemui baki lima mangsa yang dilaporkan hilang sejak operasi itu dimulakan pada 30 Ogos lepas. Sebanyak 39 mayat telah ditemui dan dikebumikan.

Dalam tragedi 29 Ogos lepas, 30 rumah musnah dan 20 lagi rosak di satu kawasan penempatan Orang Asli akibat banjir lumpur itu.

Ramli menggesa orang ramai yang terjumpa mayat mangsa tragedi itu supaya melaporkan penemuan mereka kepada bilik operasi itu ataupun pihak polis.

Berkenaan skim ASW 2020 itu, beliau berkata ia dapat membantu kerajaan dalam kempen inflasi sifar kerana dengan skim itu, golongan belia dapat berjimat dan melaburkan wang mereka di samping menikmati kemakmuran ekonomi negara.

"Skim ini juga dapat mempercepatkan penggemblengan tabungan daripada pelbagai kaum dan mewujudkan perpaduan nasional, selaras dengan Wawasan 2020," katanya.

Ramli berkata sehingga semalam, 46,374 orang telah memohon sebanyak 78,923,113 unit skim ASW itu di Perak manakala 347,937 orang telah memohon sebanyak 750,987,740 unit di seluruh negara.

Skim Wawasan 2020 yang dilancarkan pada 28 Ogos lepas oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu adalah untuk semua lapisan masyarakat yang berumur antara 12 dan 29 tahun. -- BERNAMA

KSG PR